



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/06/92 (HQ)

### TNB MULA AGIH BANTUAN KEPADA GOLONGAN B40 HASIL KUTIPAN TABUNG WTP

- RM270,000 daripada kutipan berjumlah RM1.34 juta sedia disalurkan secara berperingkat
- Agihan permulaan sebanyak RM40,000 dilaksanakan pada 20 Jun
- Pengurusan Tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarah TNB turut menyumbang untuk Tabung WTP

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** memulakan penyerahan bantuan kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di seluruh Semenanjung, khususnya golongan B40 menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) pada 20 Jun 2021.

Daripada jumlah kutipan tabung sebanyak RM1.34 juta setakat ini (21 Jun), sebanyak RM270,000 sedia disalurkan kepada penerima daripada pelbagai bangsa dan agama di Semenanjung Malaysia. Setakat ini, RM40,000 telah diagihkan di Kuala Lumpur.

“Kami percaya ramai di kalangan masyarakat yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup berikutan pandemik ini. Sebab itu bantuan ini diagihkan secepat mungkin bagi mencerminkan keprihatinan TNB sebagai sebuah syarikat yang sentiasa di sisi rakyat,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Berpegang kepada prinsip “yang ada perlu membantu kepada yang tiada dan di sebalik setiap rezeki ada hak insan lain”, beliau berkata penyerahan pantas bantuan dari Tabung WTP juga menzahirkan kesyukuran warga kerja TNB atas nikmat kurniaan Tuhan secara berkongsi dengan mereka yang memerlukan.

“Saya yakin ramai yang terkesan dari pelbagai sudut akibat pandemik ini. Terjejas atau kehilangan pendapatan memberi impak besar bukan sahaja kepada individu, malah kepada ahli keluarga masing-masing. Diharap sumbangan serba sederhana dan ikhlas daripada warga kerja TNB ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban mereka.”

Tabung WTP dilancarkan pada 9 Jun lalu dengan matlamat mengutip sumbangan daripada warga kerja TNB melalui potongan gaji bulan Jun dan Julai secara sukarela untuk diagihkan kepada golongan rentan di seluruh Semenanjung.

Penerima manfaat dipilih berdasarkan senarai golongan B40 melibatkan Orang Kurang Upaya, e-Kasih, JKM dan PPRT (di bawah Kementerian Pembangunan Wanita & Masyarakat), Pusat Zakat Negeri dan maklum balas warga kerja TNB.


Bagi setiap ringgit yang disumbangkan warga kerja, TNB akan menambah nilai yang sama agar manfaat daripada tabung ini dapat dikongsi dengan lebih meluas. Agihan Tabung WTP dilaksanakan melalui perbankan atas talian (*online banking*).

Pengurusan Tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarah TNB adalah antara lebih 12,300 warga kerja TNB bagi mengisi Tabung WTP setakat ini. Kempen kutipan dijadualkan tamat pada 15 Julai ini.

“Keprihatinan terhadap permasalahan yang menimpa golongan kurang bernasib baik menyerap jauh ke sanubari kami di TNB termasuk pihak Pengurusan Tertinggi mahupun Ahli Lembaga Pengarah. Saya yakin jumlah kutipan tabung ini akan terus meningkat sehingga kempen tamat nanti,” tambah Baharin.

Selain Tabung WTP, sejak awal tahun ini, TNB telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta termasuk membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, pengagihan bekalan makanan dan keperluan asas serta wang saku.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Jun 2021, jam 1:00 petang**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Sejumlah RM1.34 juta Tabung WTP sedia disalurkan secara berperingkat kepada rakyat terkesan akibat pandemik COVID-19. dilancarkan pada 9 Jun lalu, Tabung WTP mengumpul sumbangan daripada warga kerja TNB, pengurusan tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarahnya melalui potongan gaji secara sukarela.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din